

PTP terus tarik syarikat kapal antarabangsa

UM 22 JAN 2002

GELANG PATAH 21 Jan. — Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd., pengendali Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Johor akan terus menarik syarikat-syarikat perkapalan antarabangsa menggunakan kemudahan di pelabuhannya.

"Kita (PTP) berusaha keras untuk mendapatkan operator-operator perkapalan yang lain," kata Pengerusinya, Datuk Mohd Taufik Abdullah.

Katanya, PTP sentiasa berbincang dengan para operator lam dan kadangkalanya operator itu sendiri berjumpa dengan PTP.

Mohd Taufik berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pembu-

kaan Rasmi Projek Sambungan Rel Keretapi Tanah Melayu Bhd. (KTMB) ke PTP oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Ketika diminta mengesahkan pemindahan syarikat perkapalan Taiwan, Evergreen Marine Corporation (Evergreen) ke PTP yang dijangka berlaku Ogos ini, beliau berkata: "Saya harap ya."

Mohd Taufik, bagaimanapun enggan lanjut pertanyaan yang berkaitan Evergreen.

Beliau juga menafikan PTP telah memberikan potongan harga sebanyak 50 peratus kepada Evergreen

sehingga menyebabkan mereka berpindah ke Johor.

Mohd Taufik menyifatkan tanggapan terhadap pemberian potongan itu hanyalah perbandingan nilai mata wang Singapura dan ringgit yang bezanya sebanyak 50 peratus.

Mengulas mengenai sambungan rel KTMB ke PTP, beliau berkata, laluan itu akan meningkatkan jumlah kontena yang diangkut pada tahun ini sebanyak 25,000 kontena.

Kata Mohd Taufik, perbincangan sedang dilakukan dengan pihak berkaitan untuk meningkatkannya lagi.

PTP mengendalikan dua juta TEU pada tahun 2001.